

21 JUN 2002

Umno-Bahas (Badruddin)

PERWAKILAN BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Para perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini bangun sejenak untuk memberi penghormatan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pejuang bangsa Melayu.

Mereka bangun dan memberi tepukan gemuruh selepas diminta oleh wakil Kedah Datuk Badruddin Amiruldin semasa beliau membahaskan ucapan Presiden Umno.

"Kalau tuan-tuan sudi pada pagi Jumaat ini kita pakat bangun beri penghormatan kepada Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri)," kata Badruddin yang merupakan seorang peminat yang tidak asing lagi kepada perwakilan kerana teguran dan cerita-cerita lucunya.

"Datuk Seri Presiden, Rasulullah berjuang walaupun macam-macam orang buat dekat dia (Rasulullah), dia sabar Insya Allah akhirnya dia berjaya," katanya sambil menyatakan harapan supaya Dr Mahathir tidak mudah kecewa dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Badruddin berkata: "Saya bagi pihak semua perwakilan dan anggota Umno, saya merayu Datuk Seri jangan cepat patah hati, kami tidak akan biarkan...orang buat dua seduit kepada Datuk Seri, kami tak biar, hatta kalau dalam Umno mereka buat loqlaq, siap depa".

Beliau meminta anggota Majlis Tertinggi, Pemuda, Wanita dan Puteri Umno serta semua anggota parti mempertahankan Dr Mahathir apabila pihak pembangkang membuat serangan terhadap beliau.

"Bila orang serang Dr Mahathir jangan tunggu Dr Mahathir jawab," tambahnya.

-- BERNAMA

BD ZS MOZ